

**Berita Harian**  
**4 March 2026**

## **Media Prima, Sun Life lancar kempen 'Baju Raya Lama Baharu' 2.0**

Oleh **Farhana Nizam** - Mac 4, 2026 @ 9:18pm

KUALA LUMPUR: Media Prima Berhad (Media Prima) hari ini mengadakan majlis pelancaran kerjasama dan kempen di pekarangan Balai Berita yang menampilkan penyanyi dan pengacara televisyen, Alif Satar.

Majlis itu menandakan pelancaran kempen Sun Life 'Baju Raya Lama Baharu' x 'Sama-Sama Berkat' sempena Ramadan.

Kempen menyasarkan penghuni pusat jagaan warga emas, rumah kanak-kanak serta ibu tunggal dengan matlamat memastikan mereka dapat menyambut Aidilfitri dalam suasana lebih bermakna.

Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia Takaful Berhad, Noor Azam Mohd Yusof, berkata pihaknya menjangkakan capaian kempen lebih luas melalui kerjasama dengan Media Prima.

"Tahun lalu, kami anggar 500 kilogram (kg) sahaja tapi dengan gandingan bersama Alif Satar serta pengiklanan melalui media sosial kami mendapat empat kali ganda lebih daripada yang kami anggarkan.

"Pada tahun ini, dari Lembah Klang kami panjangkan ke utara dan selatan dengan mengharapkan seluruh Semenanjung untuk sertai kempen ini," katanya.

Hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Datuk Mohd Rafiq Mat Razali dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Rosli Sabarudin.

Kempen yang berlangsung sehingga 31 Mac menyediakan 18 tong pengumpulan khas di cawangan terpilih AEON BiG, pejabat Sun Life Malaysia dan lokasi FedEx terpilih bagi memudahkan orang ramai menyumbang.

Tahun lalu, kempen ini berjaya mengumpul lebih 2,000 kilogram pakaian terpakai yang diperbaharui untuk diagihkan kepada 100 kanak-kanak.

Susulan sambutan menggalakkan itu, program kali ini diperluaskan ke Pulau Pinang dan Johor.



Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Datuk Rafiq Razali (dua dari kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia Takaful, Noor Azam Mohd Yusof (dua dari kanan), Ketua Pegawai Inovasi Kumpulan Media Prima Berhad & Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Kandungan Media Prima Berhad, Amir Rasyidi (kiri) dan Duta Sun Life Malaysia, Alif Satar melakukan gimik pelancaran kempen Baju Raya Lama Baharu oleh Sun Life Malaysia pada Majlis Tikar Berkat Buka Puasa Sama-Sama di Balai Berita Bangsar, Kuala Lumpur. - Foto NSTP/Aizuddin Saad